

LAPORAN PROGRAM PEMENTORAN KESELURUHAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
TAHUN 2023

1. Tarikh Mula : 15 Mac 2023 Tarikh Tamat : 31 Disember 2023

2. Peserta

Mentor	Menti
Bilangan Peserta : 13 Mentor yang terpilih adalah pegawai yang berpengalaman dalam perkhidmatan beliau. Mentor yang terpilih adalah pegawai daripada skim perkhidmatan Penguat Kuasa.	Bilangan Peserta : 14 orang Menti yang terpilih adalah pegawai yang baharu lantik dalam perkhidmatan iaitu Gred 19. Menti yang terpilih adalah pegawai daripada skim perkhidmatan Penguat Kuasa.

Senarai ahli pementoran adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Skop Pementoran : i. Pegawai Lantikan Baru /


ii. Kenaikan Pangkat

iii. Bertukar Masuk

4. Gambar Program Pementoran



Rajah 4.3 Gambar pelaksanaan Program TOT Pementoran di Bayou Lagoon Resort, Melaka.



Rajah 4.2 Gambar Pelaksanaan Mesyuarat Penyelaras Pementoran KPDN, Bil.1/2023

5. Ulasan Keseluruhan Penyelaras Kementerian:

Program Pementoran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membawa fokus pelaksanaan Program Pementoran kepada aspek kompetensi fungsi bagi Pembantu Penguat Kuasa KP19. Program kali ini telah melantik pegawai daripada skim perkhidmatan Penguat Kuasa yang baru dari Gred 19 sebagai Menti. Pemilihan Menti kali ini juga adalah lebih berfokuskan kepada negeri yang lebih jauh daripada ibu pejabat KPDN Putrajaya. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Menti
Kelantan	1
Johor	4
Pulau Pinang	1
Sarawak	8

Para Mentor yang dipilih perlu mengatur strategi dan juga merangka alternatif yang sesuai dalam membentuk dan mempertingkatkan kewibawaan dalam diri Menti di samping membantu Menti untuk menyesuaikan diri dalam kompetensi profesional dan budaya sebagai Pembantu Penguat Kuasa KPDN. Mentor yang terpilih adalah pegawai yang telah lama berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Pelaksanaan Program Pementoran pada tahun 2023 juga akan memberikan cabaran yang baru kepada pihak urus setia untuk memastikan komitmen yang diberikan oleh pasangan Mentor dan Menti adalah konsisten memandangkan bilangan kekerapan untuk berjumpa secara bersemuka bersama pihak urus setia adalah sangat rendah dalam tempoh pelaksanaan Program Pementoran ini.

Sesi pemantapan Proses Pementoran juga telah dibuat secara talian bagi membantu pasangan Mentor Menti ini lebih memahami dari segi kecerdasan emosi dalam menguruskan kerja seharian.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Pementoran KPDN Tahun 2023 berjalan dengan lancar dan akan ditamatkan pada bulan Disember 2023. Mesyuarat Penyelarasan Pementoran akan dilaksanakan sebanyak 2 kali dalam tempoh pelaksanaan program mengikut penetapan daripada pihak pengurusan KPDN. Mesyuarat Penyelarasan Pementoran Bilangan 1 Tahun 2023 telah dilaksanakan pada 17 Oktober 2023 dan yang kedua akan dilaksanakan pada Januari 2024 sebagai penutup tirai Program Pementoran Tahun 2023.

Pasangan Mentor dan Menti juga memberikan pandangan yang positif semasa pelaksanaan Program Pementoran semasa Mesyuarat Penyelarasan. Majlis Apresiasi Pementoran akan dilaksanakan semasa pelantikan barisan Mentor Menti bagi tahun 2024 nanti.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Psikologi

Urus setia Program Pementoran
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Tarikh: Disember 2023

SENARAI NAMA MENTOR DAN MENTI TAHUN 2023

BIL	NAMA MENTOR	GRED	BAHAGIAN	NAMA MENTI	GRED	BAHAGIAN
1.	Wan Muhammad Rosdan bin Ab Razak	Pembantu Penguat Kuasa KP22	KPDN Negeri Kelantan	Elramer bin Osman	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Kelantan
2.	Shazril Reza bin Nor Azmi	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP32	Bahagian Penguat Kuasa	Mohd Izzat Shafi bin Izhar	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Johor
				Siti Raudah binti Borhan	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Johor
3.	Jefri bin Atan	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Negeri Johor	Norafiza h binti Ibnuh	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Johor
4.	Sukhaimi bin Sanusi	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Negeri Johor	Mohd Razlan bin Zaini	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Johor
5.	Ramli bin Azimat	Pembantu Penguat Kuasa KP22	KPDN Negeri Pulau Pinang	Khairul Syahmi bin Wahai Anuar	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Pulau Pinang
6.	Eya Syahieda binti Arbi	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Negeri Sarawak	Nur Waheed ah binti Mohd Lazim	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Sarawak

7.	Mohamad Ramzi bin Hazmi	Pembantu Penguat Kuasa KP22	KPDN Negeri Sarawak	Serreny binti Nasib @ Antan	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Sarawak
8.	Roslan bin Hassan	Pembantu Penguat Kuasa KP22	KPDN Negeri Sarawak	Zulkifli bin Baco	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Sarawak
9.	Norhakimin bin Ismail	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Negeri Sarawak	Mohd Thaqif bin Saidul	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Negeri Sarawak
10.	Ishak bin Hassan	Pembantu Penguat Kuasa KP22	KPDN Cawangan Sibu	Abdul Azis bin Mohd Isah	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Cawangan Sibu
11.	Jainol Saikung	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Cawangan Miri	Kathy Majudil	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Cawangan Miri
12.	Nooraida binti Alias	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP29	KPDN Cawangan Miri	Hasnan bin Yusuf	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Cawangan Miri
13.	Awang Ismail bin Awang Madian	Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP32	KPDN Cawangan Bintulu	Siti Nurulin binti Ahmad	Pembantu Penguat Kuasa KP19	KPDN Cawangan Bintulu